

TEKS UCAPAN

BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

SEMPENA

**SYARAHAN AKADEMIK EPISTEMOLOGI MATEMATIK DAN
PENDIDIKAN BERSEPADU: NISBAH KEEMASAN DAN
KOSMOLOGI, RAHSIA KEAJAIBAN ALAM SEMESTA**

**DI AUDITORIUM PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN
PUTRA, KAMPUS PAUH PUTRA**

PADA 28 OGOS 2013

SALUTASI

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam 1 Malaysia.

**Salam Perlis, `Raja Ditaati, Rakyat Dirahmati, Negeri
Disanjung`**

Yang Berusaha En.Zuber Bin Haji Mohamad,
Pemangku Pendaftar UniMAP

Yang Berusaha Pn. Saodah Hassan
Bendahari UniMAP

Yang Berusaha Pn. Mazmin Mat Akhir
Pemangku Ketua Pustakawan UniMAP

Yang Berusaha, Speaker Jemputan, Prof. Madya Dr. Mat Rofa Ismail, dari Universiti Putra Malaysia.

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP,

Staf dan para pelajar UniMAP seterusnya hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, Syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah izinNya, dapat kita bersama-sama di pagi yang berbahagia ini bagi menjayakan Program Syarahan Akademik Epistemologi Matematik dan Pendidikan Bersepadu: Nisbah Keemasan dan kosmologi, Rahsia Keajaiban Alam Semesta.
2. Terlebih dahulu di kesempatan ini ingin saya merakamkan ucapan tahniah dan jutaan penghargaan kepada semua jawatankuasa yang terlibat dari Institut Matematik Kejuruteraan dan Unit Pembangunan Lestari dalam memastikan program pada hari ini berjalan lancar.
3. Tidak dilupakan juga terima kasih juga saya ucapkan kepada tetamu-tetamu jemputan atas kesudian dan

melapangkan masa untuk bersama kami dalam majlis ilmu ini.

KEPENTINGAN MATEMATIK

Hadirin hadirat sekalian

4. Saya pasti ramai antara kita merasakan Matematik sebagai satu subjek yang membosankan dan merunsingkan, terutama sekali ketika mempelajari subjek Matematik Tambahan ketika di bangku sekolah dahulu. Namun, disebabkan kerana matematik merupakan subjek wajib bagi membolehkan kita menempatkan diri ke menara gading, kita berusaha keras mempelajari subjek ini bagi memperolehi keputusan yang cemerlang.
5. Umum mengetahui kepentingan Matematik kepada seseorang. Malah kepentingan Matematik yang telah berakar umbi dalam tamadun manusia. matematik amat mempengaruhi kehidupan seharian kita dari zaman nenek moyang kita sampai sekarang dan juga masa depan.
6. Kita hari ini bernasib baik, kerana atas usaha Julio Cesar de Mello atau lebih dikenali sebagai Malba Tahan, seorang Profesor Matematik di Rio de Janeiro Education Institute, Brazil, telah mengubah persepsi orang ramai terhadap Matematik. Beliau telah memperkenalkan satu sistem pendidikan baru dalam menerangkan konsep-konsep dalam

Matematik, iaitu dengan menggunakan pendekatan sejarah melalui hikayat yang amat menarik dan lahirlah salah satu karya yang hebat bertajuk **“The Man Who Counted”**.

7. Buku ini menarik untuk dibaca semua lapisan masyarakat sebagai rujukan bagi menyelesaikan masalah masyarakat, yang rata-ratanya berkisar kepada masalah wang, kepuasan hidup, keadilan dan sebagainya.
8. Tidak mustahil kepada seseorang ahli Matematik yang melihat situasi ini sebagai satu cabaran bagi beliau untuk cuba menyelesaikan permasalahan itu dengan ‘logik benar’ Matematik.
9. Matematik telah lama terbukti sebagai salah-satu penyelesaian kepada masalah manusia. Komputer sendiri adalah hasil daripada keajaiban Matematik cuma, masyarakat kita kurang ‘menggemari’ Matematik, mungkin disebabkan oleh kaedah pengajaran yang kaku dan membosankan.
10. Sebagai pendidik, kita haruslah menggunakan pendekatan yang lebih menarik dalam menjadikan subjek matematik mendapat tempat dikalangan para pelajar.
11. Di sini saya ingin menyeru kepada warga pendidik agar melakukan kajian sejarah dan falsafah sesuatu ilmu supaya ilmu yang disampaikan lebih terkesan di hati anak-anak didik agar tidak menjadi buta sejarah dan matematik.

PENUTUP

Sidang hadirin sekalian,

12. Rasanya cukuplah setakat ini ucapan saya pada hari ini, sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mat Rofa Ismail di atas kesudian melapangkan masa untuk berkongsi ilmu bersama kami di UniMAP ini.

13. Adalah menjadi harapan saya agar semua yang hadir mendapat suntikan kepentingan sejarah dan falsafah Sains dan Matematik, seterusnya pulang dengan muatan ilmu yang berguna dan bermanfaat.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.